


BAHAGIAN I

DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN DAN JAWAPAN LISAN
(19 OKTOBER – 3 DISEMBER 2015)**



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING

TARIKH : 19.10.2015

SOALAN : NO. 10

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dasar mengenai pengecualian bayaran balik pinjaman PTPTN untuk kepujian kelas 1 yang diperolehi melalui rayuan bagi kes borderline dan untuk program 1 + 2 dan 2 + 1 di institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN melaksanakan dasar pinjaman boleh ubah yang mengecualikan bayaran balik bagi lulusan graduan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama mulai tahun 2003. Langkah ini diambil atas keprihatinan Kerajaan untuk mengiktiraf pelajar-pelajar cemerlang Institusi Pendidikan Tinggi dan menunjukkan komitmen Kerajaan terhadap usaha melahirkan modal insan yang berilmu.

Kelulusan pengecualian bayaran balik kepada peminjam PTPTN memerlukan semakan terperinci kerana melibatkan jumlah amaun pelupusan pinjaman yang besar. Sehingga 31 Ogos 2015 seramai 29,674 peminjam telah mendapat manfaat pengecualian bayaran balik melibatkan jumlah sebanyak RM804.67 juta.

Pengecualian bayaran balik pinjaman PTPTN untuk rayuan kelas pertama bagi kes “*borderline*” dan program 1 + 2 dan 2 + 1 di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) boleh dipertimbangkan sekiranya pelajar memenuhi peraturan penganugerahan kelas pertama di IPTS dan mendapat kelulusan Senat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD

TARIKH : 19.10.2015

SOALAN : NO. 59

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar yang dibuang daripada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kerana disabit kesalahan moral daripada tahun 2010 hingga September 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa memandang berat terhadap isu-isu moral di kalangan pelajar universiti. Pelbagai langkah pencegahan telah dilaksanakan bagi membendung isu moral seperti pemantauan dan penguatkuasaan peraturan disiplin pelajar secara kolektif di semua pusat tanggungjawab, fakulti dan kolej kediaman secara berterusan.

Untuk makluman, jumlah pelajar yang dibuang daripada universiti awam kerana disabit kesalahan moral daripada tahun 2010 hingga September 2015 adalah sebanyak 52 kes sahaja.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASSAN BIN MALEK

TARIKH : 20.10.2015

SOALAN : NO. 13

Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil bagi mengatasi masalah penglibatan pelajar kolej, universiti dan sekolah dalam aktiviti haram seperti pelacuran terutamanya di ibu kota Kuala Lumpur dan apakah langkah pengawalan bagi menyekat penularan aktiviti-aktiviti haram ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa memandang serius penglibatan pelajar kolej dan universiti awam dalam sebarang aktiviti haram. Antara langkah-langkah yang diambil bagi menyekat penularan aktiviti-aktiviti ini adalah:

- i. Melaksanakan penerangan terperinci berkaitan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) melalui pejabat Hal Ehwal Pelajar;
- ii. Mengadakan kerjasama strategik dengan pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM);
- iii. Menganjurkan program-program Unit Kaunseling pada Minggu Pendaftaran Pelajar Baharu dan juga dari semasa ke semasa; dan
- iv. Menggalakkan penyertaan pelajar dalam badan beruniform seperti Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA), Kumpulan Latihan Kelana Siswa Malaysia (KLKM) dan Kor Sukarelawan Siswa Siswi (SUKSIS).

Bagi pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Seksyen 33 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) memperuntukkan kuasa dan tanggungjawab ke atas setiap Ketua Eksekutif IPTS untuk menguruskan pentadbiran, kebajikan dan disiplin pelajar. Dalam konteks ini, Ketua Eksekutif IPTS berhak menentukan kaedah yang bersesuaian bagi menyekat penularan serta penglibatan pelajarinya dalam aktiviti haram termasuk pelacuran.

Di peringkat sekolah pula, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih bagi mengekang kegiatan pelacuran di ibu kota Kuala Lumpur. Melalui penubuhan sekolah ini, semua kanak-kanak yang ibunya terlibat dalam aktiviti pelacuran telah didaftarkan untuk bersekolah seperti kanak-kanak yang lain. Selain itu, KPM turut menekankan isu keruntuhan akhlak melalui Sukatan Pendidikan yang sedia ada.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **PUAN TERESA KOK SUH SIM**

TARIKH : **21.10.2015**

SOALAN : **NO. 32**

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kedudukan United Examination Certificate dari segi kemasukan universiti awam dan perkhidmatan Kerajaan. Apakah Kerajaan akan mengikut jejak langkah Kerajaan Negeri Sarawak untuk menerima pemegang UEC untuk menyertai perkhidmatan awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sijil Unified Examination Certificate (UEC) dikeluarkan oleh Sekolah-sekolah Persendirian Cina (di bawah kategori institusi pendidikan swasta) yang **tidak melibatkan badan-badan pengiktirafan yang dilantik oleh Kerajaan.**

Selain menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar utama sepenuhnya, mereka juga menggunakan kurikulum yang dibangunkan sendiri dan **tidak selari dengan kurikulum kebangsaan seperti yang terdapat di dalam Akta Pendidikan 1996.** Berdasarkan kepada kedudukan di atas, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) **tidak mengiktiraf sijil** tersebut kerana persijilan yang dikeluarkan secara bersendirian dan bukan dikendalikan oleh KPM.

Sehubungan itu, sijil UEC tidak boleh diguna pakai sebagai kelayakan masuk ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi memandangkan ia tidak diiktiraf oleh KPM.

Bagi kemasukan ke perkhidmatan awam pula, merujuk kepada **Peraturan 5 (1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U. (A) 1/2012]** oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, semua pelantikan ke dalam Perkhidmatan Awam hendaklah mengikut syarat-syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan yang berkuat kuasa. Oleh itu, kelayakan UEC tidak diterima bagi tujuan pelantikan ke jawatan dalam Perkhidmatan Awam kerana ianya adalah kelayakan yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan memandangkan ia tidak selari dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR**

TARIKH : **22.10.2015**

SOALAN : **NO. 1**

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah hasil penyelidikan oleh para saintis negara serta penyelidik universiti yang telah dipatenkan dan telah dikomersialkan. Berapakah jumlah dan peratus daripada jumlah keseluruhan kajian yang telah dilakukan diguna pakai oleh syarikat tempatan dan antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon menjawab soalan yang dikemukakan oleh YB Kulim Bandar Baharu ini bersekali dengan soalan **YB Parit Sulong pada 5 November 2015** memandangkan isu yang dibangkitkan adalah berkaitan.

Untuk makluman YB Kulim Bandar Baharu, bagi tempoh 2007 sehingga 2014, sebanyak **730 hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D)** telah dipatenkan. Daripada jumlah tersebut, **70% paten** merupakan hasil penyelidikan oleh **5 Universiti Penyelidikan**. Selain itu, sebanyak **4,794 harta intelek** telah berjaya didaftarkan bagi tempoh tersebut. Bagi tempoh yang sama juga, sebanyak **280 produk R&D telah dikomersilkan** hasil dari penyelidikan di UA iaitu **176 produk** dari Universiti Penyelidikan dan **104 produk** dari UA yang lain.

Di antara produk R&D yang telah berjaya dikomersilkan ialah seperti berikut:

- i. Penghasilan **Thypidot** iaitu kit diagnostik segera bagi demam kepialu oleh Profesor Datuk Dr Asma Ismail dari Universiti Sains Malaysia. Kit ini telah

diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan pengkomersilannya bernilai **RM19 juta**;

- ii. Penghasilan produk ***The Bionic Prosthetic*** atau **anggota palsu bionik** oleh Profesor Ir. Dr. Noor Azuan Bin Abu Osman serta penyelidik Pusat Biomekanik Gunaan (CAB) dan Kumpulan Penyelidik Fotonik, Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya. **Paten yang telah difailkan di Amerika Syarikat** telah **menarik perhatian pelabur dari Jerman, Iceland dan Taiwan**. Melalui “Ekspedisi Kasih Bionik” yang telah **tersenarai dalam Malaysian Book of Records**, produk ini mencipta sejarah apabila Azman Yeop Akil, atlet kurang upaya telah berjaya menyertai jelajah berbasikal lebih 1,000km menggunakan kaki bionik yang dihasilkan oleh kumpulan penyelidik ini;
- iii. Penghasilan **vaksin Newcastle Disease** yang tahan haba dan **vaksin Fowl Pox** melalui tisu kultur oleh Profesor Datin Paduka Nor Aini Ideris dari Universiti Putra Malaysia bagi mengawal penyakit yang menyerang ternakan ayam. Ia telah mendapat pengiktirafan dalam dunia sains antarabangsa dan bernilai **RM2.7 juta**; dan
- iv. Penghasilan produk ***Membrane Technology for Separation Process*** oleh Prof. Dr. Ahmad Fauzi Ismail dari Universiti Teknologi Malaysia yang telah **menembusi pasaran antarabangsa Arab Saudi dan Thailand**. Produk ini bernilai **RM3.7 juta** sejak dipasarkan serta merupakan antara contoh terbaik bagi kejayaan R&D dan pengkomersilan kerana mempunyai **jaringan rapat dengan industri** (Sime Darby dan Petronas) untuk kelestarian teknologi berkaitan proses.
- v. Penghasilan produk ***Biofil Technology- Wastewater Treatment Using Cosmo-Balls*** oleh Prof. Dr. Azni bin Idris dari Universiti Putra Malaysia telah mencipta satu evolusi dalam proses perawatan air tercemar bahan kimia. Produk ini mula dikomersialkan pada tahun 2013 dan hasil jualan produk setakat ini adalah **RM 5.7 juta** dan akan terus meningkat selaras dengan permintaan yang tinggi oleh industri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar pengkomersilan daripada hasil penyelidikan di universiti tempatan dan diterima oleh industri di Malaysia di antara tahun 2007 – 2014 adalah 4.2%. Kadar ini adalah setanding dengan kadar yang diterima pakai di peringkat antarabangsa iaitu 5%. Malahan Negara Amerika yang menyediakan dana penyelidikan sebanyak USD 5.3 billion hanya mencapai tahap pengkomersialan produk pada kadar 4.7%.

Untuk makluman YB Parit Sulong, hasil daripada pengkomersilan produk dan idea yang meliputi perkhidmatan, konsultasi dan latihan telah mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak **RM5.33 bilion** bagi tempoh tahun 2007 sehingga 2014 berbanding dana yang disediakan oleh Kerajaan kepada Universiti Awam iaitu **RM3.53 bilion**. Nilai ini mencatatkan **pulangan pelaburan** dalam bidang penyelidikan sebanyak **50.6%**. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

TARIKH : 22.10.2015

SOALAN : NO. 14

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan:-

- (a) jumlah subsidi yang diberikan oleh Kementerian kepada kesemua universiti awam di Malaysia mengikut tahun dari tahun 2005 hingga 2015; dan
- (b) apakah justifikasi pembahagian bayaran yuran pengajian, yuran penginapan, pengangkutan dan eksekutif yang berlainan mengikut universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan mengurus yang telah diberikan oleh kementerian Pendidikan Tinggi kepada semua Universiti Awam pada tahun 2013 adalah sebanyak RM7,275,972,600, tahun 2014 sebanyak RM8,466,340,300 dan tahun 2015 sebanyak RM8,753,564,300.
- (b) Bagi menentukan justifikasi pembayaran yuran, Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN) 1996 berfungsi untuk menentukan dasar dan menetapkan garis panduan mengenai struktur fi di universiti awam. Selain itu, di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 (Jadual Pertama), universiti awam mempunyai kuasa menuntut dan menerima apa-apa fi sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah dari semasa ke semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD

TARIKH : 22.10.2015

SOALAN : NO. 39

Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perbelanjaan MyBrain yang dibayar kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah, adakah mencapai target yang dikehendaki Kementerian setakat ini. Berapakan perbelanjaan yang telah digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program MyBrain15 merupakan satu program pembiayaan pengajian di peringkat pasca ijazah yang bermatlamat program adalah untuk mewujudkan kelompok sumber manusia yang berpengetahuan tinggi sebagai pemangkin kepada penyelidikan, pembangunan dan inovasi. Pelaksanaan program ini akan dapat membangunkan *first world talent base* yang akan menjadi salah satu inisiatif untuk memacu Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Program-program yang dilaksanakan menerusi program MyBrain15 adalah MyPhD, MyMaster dan MyPhD Industri. Untuk makluman, program MyBrain15 ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

Dari segi pencapaian semenjak tahun 2011 sehingga 30 September 2015, sebanyak 50,772 penawaran telah disediakan di bawah program MyBrain15 dengan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan ialah RM652,766,680.13. Jumlah penawaran tersebut adalah melebihi sasaran yang ditetapkan sebanyak 45,500 penawaran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' HASBULLAH BIN OSMAN**

TARIKH : **26.10.2015**

SOALAN : **NO. 5**

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah gambaran masa hadapan Sistem Pendidikan Tinggi Negara dari segi pelajar yang di hasilkan, pensyarah serta penyelidikan oleh Universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat dua pertanyaan yang dibangkitkan **pada hari ini** iaitu berkaitan sistem pendidikan tinggi negara oleh YB Gerik dan juga pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) oleh YB Kepong. Saya mohon untuk menjawab kedua-dua pertanyaan ini secara serentak memandangkan isu yang dibangkitkan mempunyai hubungkait di antara satu sama lain.

Untuk makluman ahli yang berhormat, PPPM (PT) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 7 April 2015 merupakan satu dokumen strategik yang menggariskan halatuju pendidikan tinggi negara untuk tempoh 10 tahun bermula 2015 hingga 2025. Matlamat PPPM (PT) adalah untuk melahirkan bakat yang didorong oleh nilai dengan mentaliti kelas pertama (*value-driven talent with first class mentality*) melalui 10 Lonjakan.

Lonjakan 1: Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang akan memberi tumpuan kepada usaha membangunkan kurikulum yang lebih bersepadu berbanding sebelum ini, di samping meningkatkan ekosistem untuk pembentukan pembangunan pelajar, sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kemahiran insaniah pelajar akan lebih diberi perhatian dan dinilai melalui pelaksanaan Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu atau iCGPA yang mana Malaysia menjadi **negara pertama di dunia** menggunakannya. iCGPA tidak hanya mentaksir pengetahuan dan kemahiran berfikir (sebagaimana amalan sekarang), tetapi juga dapat mentaksir atribut utama lain seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan dan sebagainya.

Selain itu, **program akademik sarjana muda berbentuk 2+2 atau 3+1** turut dilaksanakan bagi memberi persediaan kepada bakal graduan untuk menempuh alam pekerjaan. Ia melibatkan pembelajaran selama 2 atau 3 tahun di kampus dan selebihnya di luar kampus, pembelajaran di industri atau bersama masyarakat.

Untuk makluman YB Gerik, graduan pada masa hadapan bukan lagi menjadi pencari pekerjaan (**job seeker**), tetapi mereka **akan berubah menjadi pencipta pekerjaan (job creator)**. Dalam erti kata lain, pada masa hadapan graduan-graduan lepasan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tidak lagi bergantung kepada pekerjaan di sektor kerajaan atau swasta semata-mata tetapi mereka **berupaya mencipta pekerjaan untuk orang lain**.

Tuan Yang di-Pertua,

Pertanyaan YB Gerik juga berkaitan dengan profesion pensyarah, tenaga pengajar, penyelidik dan pemimpin akademik seperti dinyatakan dalam **Lonjakan 2: Kecemerlangan Bakat**. Melalui PPPM (PT) ini, langkah-langkah untuk menarik minat, membangun dan mengekalkan bakat berkualiti tinggi kumpulan ini dilaksanakan melalui **pengiktirafan terhadap kecemerlangan** mereka dalam pelbagai bidang yang diceburi. Program **Fakulti Ketua Pegawai Eksekutif atau CEO@Faculty** merupakan salah satu langkah yang telah dilaksanakan dengan melibatkan perkongsian ilmu dan pengalaman oleh tokoh korporat, pegawai tadbir serta pemimpin komuniti.

Tuan Yang di-Pertua,

Sasaran Kementerian untuk membangunkan Malaysia sebagai hub pendidikan antarabangsa yang mempunyai ciri tersendiri dinyatakan melalui **Lonjakan 8: Keunggulan Global**. Untuk makluman **YB Kepong**, beberapa langkah telahpun dilaksanakan dalam menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan seperti **meningkatkan lagi kualiti keseluruhan program akademik dan kepakaran** agar dapat menarik pelajar antarabangsa yang cemerlang serta **membangunkan bidang-bidang tujahan (niche area)** yang menjadi pilihan daripada semasa ke semasa.

Pada masa kini, bidang kejuruteraan yang ditawarkan oleh Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berada dalam ranking 100 terbaik dunia mengikut subjek. USM juga berada pada tangga 31 dunia dalam bidang Sains Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM) berada pada tangga 45 terbaik di dunia dalam bidang Sains Pertanian manakala Universiti Islam Antarabangsa menerajui bidang Perbankan Islam.

Bukan itu sahaja, pembelajaran masa kini juga telahpun mula beralih menggunakan kaedah '**blended learning**', atau '**blended open online courses (boocs)**' yang menyepadukan kaedah '*tradisional classroom*' dengan pembelajaran maya (*online*). Melalui kaedah pembelajaran ini, pelajar diberi ruang untuk lebih banyak berinteraksi antara satu sama lain.

Pada masa ini, terdapat seramai **113,759 pelajar antarabangsa** yang sedang mengikuti pengajian di IPT Malaysia di mana **30,804** daripadanya merupakan pelajar program **Sarjana dan PhD**. Kementerian berharap, dengan usaha yang berterusan, Malaysia akan mampu menarik lebih ramai pelajar antarabangsa bagi mencapai **aspirasi 250,000 pelajar antarabangsa menjelang tahun 2025** dan seterusnya merealisasikan hasrat menjadi hub pendidikan pilihan bagi pelajar antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG

TARIKH : 26.10.2015

SOALAN : NO. 26

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh Kementerian untuk mendidik para pelajar dan mahasiswa supaya mengenali tokoh-tokoh ulama' kemerdekaan agar nama mereka tidak digelapkan oleh sejarah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah yang telah diadakan bagi mendidik mahasiswa universiti supaya mengenali tokoh-tokoh ulama' adalah program **Sambutan Bulan Kebangsaan** seperti yang telah dilaksanakan di **Universiti Sains Islam Malaysia**. Program ini menyediakan slot khas melalui penggunaan media baharu untuk menyedarkan generasi muda tentang peranan penting ulama' dalam sejarah Kemerdekaan seperti **Tan Sri Hassan Azhari** (yang melaungkan azan ketika pengisytiharan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka) dan **Sheikh Abdullah Fahim** (yang menetapkan tarikh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957).

Selain itu juga, program yang bertujuan untuk membuka minda mahasiswa supaya menyedari sejarah perjuangan tokoh-tokoh lama dalam memperjuangkan kemerdekaan telah diadakan di Universiti Malaysia Pahang di bawah program 'Forum Kemerdekaan Gen Y' dengan kerjasama Jabatan Penerangan Pahang dan pameran buku berbentuk sejarah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN

TARIKH : 27.10.2015

SOALAN : NO. 13

Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah pelajar cemerlang tetapi tidak dapat diberi tawaran kursus yang dipilih oleh mereka di universiti tempatan dan implikasi pengaliran pakar ke luar negara (*brain drain*).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) prihatin dan komited untuk memberikan peluang pendidikan tinggi kepada semua rakyat terutamanya kepada pelajar-pelajar yang cemerlang. Sistem pendidikan daripada peringkat sekolah hingga pendidikan tinggi mempunyai misi yang sama dari segi hasil dan kepentingannya kepada setiap pelajar iaitu memberi penekanan untuk mengimbangi antara ilmu dan akhlak.

Setiap tahun, terdapat peningkatan pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang. Justeru, wujud persaingan yang sangat tinggi dalam kalangan pelajar cemerlang ke Universiti Awam (UA). Pelajar-pelajar ini dibenarkan memilih UA dan program pengajian yang lebih sesuai dengan minat dan kecenderungan mereka dalam sistem permohonan yang diselaraskan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar.

Pemilihan pelajar ke UA pula dilaksanakan berdasarkan prinsip meritokrasi, dengan mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah ko-kurikulum untuk menjana markah merit pelajar. Penentuan dibuat dengan mengambil kira kedua-dua elemen akademik dan kokurikulum pelajar untuk memastikan UA melahirkan graduan yang holistik.

Selain daripada itu, proses temu duga turut dilaksanakan di UA bagi sesetengah program pengajian yang memerlukan kompetensi tertentu demi memastikan UA mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kehendak dan keperluan program pengajian berkaitan. Etika dan kerohanian, kepimpinan, jati diri kebangsaan, penguasaan bahasa, kemahiran berfikir dan ilmu pengetahuan adalah enam perkara yang penting bagi pelajar di peringkat pendidikan tinggi.

Sesetengah program pengajian bertemu duga mendapati pemohon gagal memenuhi kriteria yang ditetapkan untuk mengikuti program pengajian berkaitan. Sekiranya pemohon gagal dalam temu duga berkenaan, mereka masih boleh dipertimbangkan untuk ditawarkan program pengajian lain dalam pilihan mereka atau sekiranya mereka bersetuju untuk menerima tawaran selain daripada program pengajian yang dipohon, KPT akan memastikan pemohon ditawarkan program pengajian yang bersesuaian berdasarkan kelayakan dan kekosongan tempat di UA.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN

TARIKH : 28.10.2015

SOALAN : NO. 11

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah ada sebarang pemantauan terhadap pusat pengajian tinggi swasta berkaitan harga barangan atau caj-caj perkhidmatan yang dikenakan kepada pelajar-pelajar melalui potongan PTPTN.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Semua Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang ditubuhkan di negara ini dikawal selia dan ditadbir urus mengikut Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Untuk makluman, pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional kepada pelajar institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) hanya untuk yuran pengajian dan saraan pelajar sahaja.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) hanya memantau yuran pengajian dan tidak memantau harga barangan dan caj-caj perkhidmatan secara langsung memandangkan ianya di bawah Kementerian lain. Walau bagaimanapun, KPT sentiasa bersedia bekerjasama dengan Kementerian/Agensi lain terutama melibatkan aspek kebajikan pelajar dan kakitangan di IPTS.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG

TARIKH : 29.10.2015

SOALAN : NO. 51

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan apakah perincian “Integrated Cumulative Grade Point Average” (iCGPA) program percubaan yang telah dijalankan di lima buah universiti awam dan bagaimanakah iCGPA berupaya membentuk kualiti graduan yang tinggi serta memenuhi kehendak pasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Purata Nilai Gred Keseluruhan Bersepadu atau Integrated Cumulative Grade Point Average (iCGPA) adalah suatu nilai yang memperlihatkan pencapaian pelajar dalam menguasai hasil pembelajaran program bagi setiap semestar sepanjang tempoh pengajian. Ia merupakan salah satu inisiatif di bawah Lonjakan 1: Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Prestasi setiap pelajar akan dinilai dengan menggunakan kaedah “*Spider Web*”.

iCGPA tidak hanya mentaksir pengetahuan dan kemahiran berfikir (sebagaimana amalan sekarang) tetapi juga dapat mentaksir atribut utama lain yang merangkumi aspirasi pelajar; etika dan kerohanian; kemahiran kepimpinan; jati diri kebangsaan; dan penguasaan bahasa. Berdasarkan iCGPA, pelajar bukan sahaja perlu berjaya dalam bidang akademik, namun juga harus cemerlang dari segi kemahiran insaniah, berpengetahuan, nilai-nilai murni, berkepimpinan dan kebolehan berfikir secara kritis. Matlamatnya adalah untuk menganjak minda pelajar daripada sebagai pencari pekerjaan (*job seekers*) kepada penjana pekerjaan (*job creators*) untuk masyarakat dan negara. Dalam erti kata lain, pada masa hadapan lepasan dari institusi

pendidikan tinggi tidak lagi bergantung kepada pekerjaan di sektor kerajaan tetapi berupaya mencipta pekerjaan untuk orang lain.

Oleh itu, kualiti pelajar dapat dikenal pasti lebih awal agar program bimbingan dapat ditawarkan dalam usaha menambahbaik keupayaan graduan sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan. Pihak industri atau majikan juga dapat mengenal pasti keupayaan dan kesesuaian graduan dengan bidang pekerjaan yang dipohon.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN

TARIKH : 3.11.2015

SOALAN : NO. 43

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah PNGK terendah yang mendapat tawaran ke IPTA dalam sesi kemasukan 2015/16. Berapakah pelajar yang mendapat PNGK tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelayakan am minima untuk kemasukan ke Universiti Awam (UA) adalah mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 di peringkat STPM dan Matrikulasi/Asasi. Pemohon yang layak dan memenuhi syarat am universiti, syarat khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan mengikut pilihan program pengajian yang dimohon mengikut keutamaan dan bilangan tempat yang disediakan oleh UA.

Pada sesi akademik 2015/2016 bagi lepasan STPM/Setaraf, sebanyak 13,987 adalah calon yang memohon dengan PNGK 2.00 - 2.49. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 20 % telah berjaya ditawarkan tempat di UA.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN HAJI AHMAD
TARIKH : 4.11.2015
SOALAN : NO. 5

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah peminjam PTPTN oleh golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan skim yang berbeza berbanding peminjam bukan OKU.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) terbuka kepada semua warganegara Malaysia termasuk Orang Kelainan Upaya (OKU) tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Bagi rekod peminjam mengikut jenis kategori, PTPTN tidak mempunyai statistik khusus bagi kategori OKU. Memandangkan sistem pembiayaan PTPTN sedia ada terbuka kepada semua golongan, PTPTN belum berhasrat untuk mewujudkan skim pembiayaan yang khusus kepada OKU.

Walau bagaimanapun di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mewujudkan skim "**Bantuan Kewangan Pelajar OKU**" di Institusi Pendidikan Tinggi sejak tahun 2006 kepada pelajar OKU. Bantuan ini adalah khusus kepada pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat Diploma dan ke atas di Universiti Awam, institusi pendidikan tinggi swasta, politeknik dan kolej komuniti yang berdaftar dengan KPT sahaja.

Di samping itu, bantuan kewangan juga turut ditawarkan kepada pelajar OKU yang mengikuti **Program Pendidikan Khas (PPK)** dalam kategori kecacatan pendengaran dan pertuturan sahaja. Kursus PPK yang ditawarkan adalah Sijil Kemahiran Khas di kolej komuniti dan politeknik sahaja. Bantuan yang ditawarkan adalah berbentuk elaun dan yuran pengajian kepada pelajar yang berkelayakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN

TARIKH : 5.11.2015

SOALAN : NO. 1

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan walaupun jumlah yang besar diperuntukkan dalam bajet tahunan pendidikan tinggi, prestasi ranking universiti di negara ini masih belum mencapai tahap 100 terbaik universiti dunia. Apakah sasaran dan tindakan serta langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan ranking tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon menjawab soalan yang dikemukakan oleh **YB Parit** ini bersekali dengan soalan **YB Tanjong Manis** pada **30 November 2015** memandangkan kedua-dua YB membangkitkan isu ranking universiti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lonjakan 8 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) [PPPM(PT)] menyatakan bahawa penarafan antarabangsa dapat memanfaatkan kementerian terutamanya dalam meningkatkan keterlihatan global universiti tempatan, seterusnya meletakkan Malaysia di mata dunia sebagai hab pendidikan antarabangsa. Selaras dengan itu, Kementerian komited untuk meningkatkan lagi kualiti penyampaian yang tinggi di universiti tempatan oleh Agensi-agensi Penarafan Global seperti QS World University Rankings yang merupakan agensi penarafan universiti yang diiktiraf oleh *International Ranking Expert Group (IREG)*. Sehubungan itu, menjelang tahun 2025, Kementerian mensasarkan sebuah universiti berada dalam kedudukan 25 terbaik Asia, dua universiti dalam kedudukan 100 terbaik dunia dan empat universiti dalam kedudukan 200 terbaik dunia.

Kementerian berbangga dengan Universiti Awam (UA) negara pada masa kini yang terus-menerus menunjukkan peningkatan prestasi setiap tahun. Berdasarkan QS-World University Rankings 2015 yang dikeluarkan pada 15 September 2015, buat pertama kalinya Universiti Malaya (UM) memecah benteng 150 terbaik dunia iaitu berada pada tangga 146 berbanding kedudukan ke-151 tahun lalu. **Universiti Sains Malaysia (USM)** juga meningkat ke kedudukan **289** dari 309 dan **Universiti Putra Malaysia (UPM)** meningkat ke kedudukan **331** dari 370 pada tahun lalu. Lima Universiti Penyelidikan masih berada dalam kelompok 1% universiti terbaik dunia daripada jumlah universiti di dunia.

Tuan Yang di-Pertua,

Penumpuan ranking juga diberikan kepada penarafan berasaskan bidang (*rankings by subject*). Keadaan ini adalah lebih realistik dan praktikal kerana berdasarkan QS *World University Ranking By Subject*, **23 daripada bidang** pengajian IPT di Malaysia menggungguli lingkungan **200 terbaik dunia**, dengan **dua bidang** berada dalam kalangan **50 terbaik dunia**; iaitu **Pengajian Pembangunan (*Development Studies*) Universiti Malaya (UM)** di kedudukan **ke-32** dan bidang **Sains Alam Sekitar (*Environmental Science*) Universiti Sains Malaysia (USM)** di kedudukan **ke-31**. Malah, kedudukan UM dalam ranking dunia tersebut adalah lebih baik berbanding beberapa universiti ternama dunia seperti University of Exeter, Georgetown University dan RMIT University.

Untuk makluman YB Tanjong Manis, UA kita tidak hanya menyertai QS Ranking, tetapi juga turut menyertai **Times Higher Education World University Rankings (THE)**. Bagi tahun 2015, UTM, UKM, USM, UPM dan UiTM tersenarai dalam ranking tersebut. Di samping itu, **UM** juga turut mengambil bahagian dalam **Academic Ranking of World Universities (ARWU)**. Penyertaan UA dalam penarafan antrabangsa ini telah menyumbang kepada peningkatan Malaysia ke **kedudukan 18 dalam World Competitiveness Index 2015/2016** berbanding kedudukan 20 pada tahun lepas. Ini menempatkan Malaysia di hadapan negara-negara maju yang lain seperti Belgium (19), Australia (21) dan Perancis (22).

Selain itu, Kementerian turut memantapkan aktiviti penyelidikan, penerbitan, pembelajaran dan pengajaran (PdP), pembangunan pelajar serta jaringan industri dan komuniti di IPT. Hasilnya, seramai **14 orang penyelidik negara** telah dinobatkan sebagai penerima anugerah **Malaysia's Rising Star Award** kerana menghasilkan artikel yang menerima sitasi penerbitan 1% tertinggi dunia, bagi tempoh dari 2005 hingga 2014 oleh agensi pengindeksan antarabangsa Thomson Reuters. Penerima yang terpilih adalah **penulis utama** (*reprint author*) artikel yang **paling kerap** digunakan sebagai **rujukan oleh penyelidik-penyelidik di seluruh dunia merangkumi 21 bidang penyelidikan**. Penarafan ini berjaya memposisikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang mempunyai **sarjana bertaraf global** yang memberi sumbangan ilmiah berimpak tinggi kepada bidang pengajian masing-masing.

Saya yakin, dengan peningkatan penyelidikan, peningkatan ranking dunia serta peningkatan pelajar antarabangsa, ia akan memberi kesan kepada ekonomi negara dan seterusnya melonjakkan reputasi universiti kita ke tahap yang lebih tinggi atau *Soaring Upwards*.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI

TARIKH : 5.11.2015

SOALAN : NO. 42

Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status pembinaan Hospital Pengajar UNISZA yang telah disempurnakan majlis pecah tanahnya oleh YAB. Perdana Menteri pada 18 September tahun lalu tetapi masih belum memulakan kerja-kerja pembinaannya sehingga awal tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah diluluskan pelaksanaannya dengan kapasiti 400 buah katil. Projek ini akan dilaksanakan secara berfasa. Fasa 1 melibatkan pembinaan untuk kapasiti 200 buah katil termasuk kerja-kerja infrastruktur dengan kos sebanyak RM345 juta. Fasa 2 pula akan melibatkan pembinaan bagi kapasiti 200 buah katil lagi dengan kos sebanyak RM255 juta. Keseluruhan projek ini akan menelan belanja RM600 juta.

Penilaian tender bagi projek ini telah diselesaikan dan kini dalam peringkat untuk dimuktamadkan harga oleh Kementerian Kewangan. Kerja-kerja di tapak dijangka dapat dimulakan pada bulan Disember 2015.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI

TARIKH : 17.11.2015

SOALAN : NO. 14

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah tertunggak pinjaman PTPTN serta menjelaskan bagaimana Kerajaan bercadang untuk menuntut kembali pinjaman tertunggak tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2015, jumlah keseluruhan bayaran balik pembiayaan pendidikan yang diterima adalah sebanyak RM6.71 bilion (45.80%) berbanding bayaran balik sebenar perlu diterima RM14.65 bilion. Manakala seramai 1,185,077 (66.10%) daripada 1,792,919 peminjam yang perlu bayar balik telah membuat bayaran balik. Bagi tempoh yang sama seramai 607,842 peminjam tidak membuat bayaran balik melibatkan jumlah tunggakan pinjaman sebanyak RM4.97 bilion.

PTPTN sentiasa berusaha memastikan prestasi bayaran balik pinjaman dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Antara tindakan-tindakan yang sedang dan telah diambil bagi meningkatkan lagi prestasi bayaran balik pinjaman adalah seperti berikut:

- i. Mempelbagaikan saluran bayaran balik seperti mewujudkan kaedah bayaran balik melalui potongan gaji dan kemudahan pembayaran melalui kaunter atau secara atas talian (*online*) oleh PTPTN dan ejen-ejen yang dilantik seperti Pos Malaysia dan bank-bank terpilih (Maybank, Bank Islam, CIMB Bank, RHB Bank, Public Bank dan Bank Simpanan Nasional);

- ii. Berkuatkuasa 1 September 2015, unit *outbound call* telah diwujudkan untuk membuat panggilan kepada peminjam tegar bagi memastikan peminjam sentiasa mengambil tahu tentang rekod keberhutangan mereka;
- iii. Mewajibkan bayaran balik secara potongan gaji ke atas kakitangan awam berkuatkuasa September 2015;
- iv. Mengeluarkan surat arahan bayaran balik (bagi peminjam yang telah tamat tempoh pengeluaran dan sepatutnya mula membuat bayaran balik) dan surat-surat peringatan (bagi peminjam yang masih tidak membuat bayaran balik/tidak memberi maklum balas);
- v. Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan, pihak swasta bagi mengesan peminjam;
- vi. Menguruskan penghantaran Surat Peringatan Terakhir, *Letter Of Demand* (LOD) dan Saman;
- vii. Bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia untuk menahan peminjam ingkar daripada keluar negara; dan
- viii. Bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia untuk menyenarai nama peminjam di dalam CCRIS.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG

TARIKH : 19.11.2015

SOALAN : NO. 2

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dengan terperinci jumlah bilangan kelulusan pinjaman PTPTN kepada pelajar-pelajar IPT untuk tahun 2015. Apakah langkah-langkah yang akan di ambil oleh Kerajaan untuk memudahkan proses permohonan dan pengeluaran pembiayaan PTPTN kepada pelajar-pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh Januari sehingga 30 September 2015, sebanyak 100,683 pinjaman telah diluluskan dan diterima oleh peminjam melibatkan jumlah pinjaman RM2.08 bilion sehingga tamat pengajian.

Antara langkah yang diambil bagi mempermudah proses permohonan pinjaman adalah melaksanakan permohonan secara atas talian sepenuhnya mulai tahun 2008. Melalui kaedah ini, permohonan boleh dilakukan pada bila-bila masa mengikut kesesuaian peminjam berdasarkan tarikh proses yang ditetapkan. PTPTN juga dapat menjimatkan kos kerana tidak lagi perlu hadir ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) untuk penjualan borang permohonan dan taklimat pengisian borang permohonan. Permohonan diluluskan dalam tempoh 5 hari dari tarikh proses dan selanjutnya peminjam boleh menyerahkan dokumen tawaran pinjaman di mana-mana kaunter PTPTN di seluruh negara. Perkhidmatan e-mel *blast* juga dilakukan bagi memaklumkan mengenai status permohonan pembiayaan.

Mulai tahun 2010 pengeluaran pembiayaan kepada peminjam telah dibuat melalui *direct debit*. Melalui kaedah ini pembayaran wang pinjaman disalurkan terus ke

akaun pelajar berbanding sebelum ini di mana pembayaran dibuat ke akaun bendahari IPT yang kemudiannya mengkreditkan ke akaun pelajar.

PTPTN dari semasa ke semasa akan terus memperbaiki perkhidmatannya dan melaksanakan pendekatan-pendekatan yang lebih baik bagi memastikan pelajar-pelajar memperoleh bantuan kewangan bagi meneruskan pengajian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ

TARIKH : 19.11.2015

SOALAN : NO. 43

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar Ijazah Sarjana dan PhD yang dilahirkan melalui program MyBrain yang dilancarkan pada RMK-10 yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program MyBrain15 merupakan satu program pembiayaan pengajian di peringkat pasca ijazah bertujuan untuk mewujudkan kelompok sumber manusia yang berpengetahuan tinggi sebagai pemangkin kepada penyelidikan, pembangunan dan inovasi. Pelaksanaan program ini akan dapat membangunkan *first world talent base* yang akan menjadi salah satu inisiatif untuk memacu Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Program-program yang dilaksanakan menerusi program MyBrain15 adalah MyMaster, MyPhD dan MyPhD Industri. Program MyBrain15 ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

Dari segi pencapaian semenjak tahun 2011 sehingga 30 September 2015, sebanyak 50,772 penawaran telah disediakan di bawah program MyBrain15 dengan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan ialah RM652,766,680.13. Jumlah penawaran tersebut adalah melebihi sasaran yang ditetapkan sebanyak 45,500 penawaran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL**

TARIKH : **23.11.2015**

SOALAN : **NO. 5**

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah jurnal dan buku rujukan Bahasa Melayu yang diterbitkan oleh setiap universiti tempatan di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah *output* penyelidik tempatan yang telah diindeks di dalam pangkalan data antarabangsa *Web of Science (WoS)* dan *Scopus* ialah masing-masing sebanyak 78,420 dan 177,556. Sebanyak 90 peratus daripada jumlah output penyelidikan ini telah dihasilkan oleh penyelidik daripada universiti tempatan. Daripada jumlah ini sebanyak 266 buah dokumen di dalam pangkalan data *WoS* dan 726 buah dokumen di dalam pangkalan data *Scopus* ditulis dalam Bahasa Melayu oleh penyelidik tempatan, di mana UKM mendominasi jumlah artikel berbahasa Melayu dalam kedua-dua pangkalan data ini.

Mengikut pangkalan data dari Pusat Sitasi Malaysia, jumlah artikel dalam Bahasa Melayu adalah sebanyak 6,170 iaitu 15.5% daripada jumlah artikel keseluruhan sehingga 20 November 2015.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN

TARIKH : 24.11.2015

SOALAN : NO. 1

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah sistem pendidikan tinggi mengambil kira aspek kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa. Ini kerana pembelajaran di universiti pada masa kini, lebih berorientasikan kepada penilaian pencapaian akademik. Apakah langkah Kementerian dalam memastikan graduan yang dihasilkan adalah seimbang daripada segi akademik dan insaniah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) [PPPM (PT)] yang dilancarkan pada 7 April 2015 telah menggariskan hala tuju transformasi sistem pendidikan tinggi negara. Lonjakan 1 dalam PPPM (PT) menetapkan strategi dan inisiatif untuk menghasilkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

Bagi merealisasikan hasrat ini, terdapat keperluan untuk memperkasakan kaedah pentaksiran bersepadu di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) melalui pelaporan iCGPA. **Kaedah pelaporan iCGPA menggambarkan pencapaian akademik dan penguasaan kemahiran insaniah yang holistik dan seimbang bagi memenuhi aspirasi pelajar dalam PPPM (PT).**

Pencapaian hasil yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang yang dihasratkan melalui pengalaman pendidikan tinggi di IPT merangkumi 8 domain hasil pembelajaran seperti berikut:

- (i) pengetahuan;
- (ii) kemahiran praktikal;
- (iii) kemahiran dan tanggungjawab sosial;
- (iv) nilai, sikap dan profesionalisme;
- (v) kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan;
- (vi) kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik;
- (vii) kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat;
dan
- (viii) kemahiran mengurus dan keusahawanan.

Pelaporan iCGPA bertujuan membantu mengenal pasti kekuatan dan ruang penambahbaikan yang diperlukan oleh pelajar. Ia juga dapat membantu bakal majikan mengenal pasti kesesuaian graduan dalam memenuhi keperluan pekerjaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : JULIAN TAN KOK PING

TARIKH : 24.11.2015

SOALAN : NO. 8

Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan seperti yang diumumkan oleh Ketua Menteri Sarawak, dimana UEC akan diterima oleh Kerajaan Sarawak termasuk kemasukan ke UNIMAS, bagaimana UNIMAS akan melaksanakannya serta cara applikasi kemasukan, kursus-kursus yang boleh didaftar dan adakah graduan terlibat boleh mendapat kerja Kerajaan di dalam seluruh Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi sebelum ini telah mengambil pendirian untuk tidak mengiktiraf Unified Examination Certificate (UEC) untuk tujuan kemasukan ke universiti awam (UA) dan akan meneruskan pendirian ini di atas sebab-sebab yang berikut:

1. UEC tidak selari dengan kurikulum kebangsaan seperti yang dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996;
2. Bahasa Melayu dalam UEC tidak setara dengan SPM;
3. Liputan sejarah negara dalam kurikulum UEC adalah tidak mencukupi; dan
4. Syarat am kelayakan masuk UA hendaklah lulus SPM dengan kepujian dalam Bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, Kerajaan terbuka untuk mempertimbangkan UEC untuk diterima pakai sebagai kelayakan masuk ke UA jika pindaan terhadap kandungan kurikulum UEC dibuat agar selari dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Kerajaan tidak bercadang untuk mengiktiraf pemegang sijil UEC sebagai syarat kelayakan baharu bagi kemasukan ke perkhidmatan awam. Ini adalah berikutan Negara telah mempunyai satu sistem pendidikan kebangsaan berpusat yang menggunakan piawaian dan kualiti tertentu yang telah ditetapkan sebagai syarat kemasukan ke perkhidmatan awam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI

TARIKH : 24.11.2015

SOALAN : NO. 11

Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah IPT khususnya Universiti Awam di Malaysia telah menyumbang kepada matlamat dasar transformasi negara dan apakah peranan serta tindakan utama Kementerian bagi memastikan IPT di Malaysia mampu menjadi tulang belakang kepada matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020 bersesuaian dengan semangat '*Soaring Upwards*' yang menjadi tuntutan utama dalam kalangan IPT di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat dasar transformasi kerajaan adalah bertujuan untuk meningkatkan pendapatan rakyat dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Bagi memastikan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Malaysia mampu menjadi tulang belakang kepada matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020, Kementerian telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) [PPPM (PT)] pada 7 April 2015 yang menggariskan 10 Lonjakan yang bermatlamat menyediakan individu berbakat yang dapat menghadapi cabaran luar biasa, dengan ilmu dan kemahiran yang sesuai, etika dan nilai untuk menyesuaikan diri dengan bekembang maju dalam dunia yang sentiasa berubah. Sepuluh Lonjakan yang dimaksudkan ini adalah:

1. Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang;
2. Kecemerlangan Bakat;
3. Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat;
4. Graduan TVET Berkualiti;

5. Kemampanan Kewangan;
6. Pemantapan Tadbir Urus;
7. Ekosistem Inovasi;
8. Keunggulan Global;
9. Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global; dan
10. Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi.

Di samping itu, bagi mengupayakan IPT, terutamanya Universiti Awam di Malaysia untuk memainkan peranan bagi menjayakan PPPM (PT), Kementerian juga telah menggerakkan 5 inisiatif prioriti dalam PPPM (PT) untuk tahun 2015. Inisiatif Prioriti yang dimaksudkan adalah:

1. Program Transformasi Universiti (UniTP);
2. Formula Pendanaan Baharu;
3. Massive Open Online Courses” (MOOC) dalam kursus terkemuka, (4) Transformasi “Technical and Vocational Education and Training” (TVET); dan
4. Program CEO Fakulti.

Sebanyak 5 Buku Panduan Transformasi (*Transformation Playbook*) telah dirancang dalam Inisiatif UniTP. Kementerian juga telah melancarkan Buku Tranformasi Hijau iaitu “*Enhancing University Board of Governance and Effectiveness*” pada 7 September 2015 untuk memberi keluwesan kepada universiti untuk bergerak dalam membantu Kerajaan Malaysia mencapai hasrat negara maju menjelang 2020.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL

TARIKH : 24.11.2015

SOALAN : NO. 15

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan setelah menjalankan Program Mengubah Destinasi Anak Bangsa (MDAB) sejak 2010 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dengan UiTM, berapakah jumlah pelajar yang telah mendapat manfaat daripada program ini dan adakah ianya akan diteruskan atau sama ada Kerajaan mempunyai perancangan untuk menambah baik program berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Program Mengubah Destinasi Anak Bangsa (MDAB) ditubuhkan, sehingga Jun 2015 seramai 32,485 orang telah mendaftar sebagai pelajar program ini. Program ini akan diteruskan dan perancangan untuk menambah baik program ini sentiasa diteruskan terutamanya berkaitan hal ehwal akademik, pengurusan motivasi dan kaunseling pelajar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL

TARIKH : 24.11.2015

SOALAN : NO. 17

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan peratusan pelajar di universiti-universiti awam yang tercicir dari tahun 2010 hingga 2015 dan apa langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar keciciran di universiti awam ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar yang mengikuti pengajian di universiti awam **dari tahun 2012 sehingga 2014** adalah seramai 1.6 juta orang. Daripada jumlah tersebut, hanya 2.3 peratus pelajar yang berstatus berhenti atau diberhentikan. Dalam tempoh yang sama, peratusan pelajar yang tercicir menunjukkan penurunan iaitu 2.7 peratus pada tahun 2012 , 2.2 peratus pada tahun 2013 dan 2.1 peratus pada tahun 2014.

Antara langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar keciciran di UA adalah:

1. Memantau sistem kehadiran pelajar;
2. Mengadakan sistem pendamping siswa;
3. Mengadakan kursus pembelajaran;
4. Pemantauan berkala mengikut keputusan bersyarat;
5. Memberi peluang pelajar untuk mengambil semula peperiksaan;
6. Membenarkan pelajar memperbaiki pencapaian akademik secara Ulang Gred (UG); dan
7. Membenarkan pelajar gagal untuk mengambil semula kursus yang gagal.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
TARIKH : 25.11.2015
SOALAN : NO. 28

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan senaraikan maklumat kewangan PTPTN (pinjaman diberikan, jumlah peminjam, bayaran balik dikutip dan baki hutang PTPTN dengan pemiutang) bagi tahun 2010 hingga 2014 dan unjuran yang sama bagi tahun 2015 hingga 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat kewangan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti berikut:

- i. Bagi tahun 2012, sebanyak 209,963 pinjaman diluluskan kepada pelajar dengan peruntukan sebanyak RM5.13 bilion sehingga tamat pengajian. Manakala, sebanyak RM800.47 juta bayaran balik telah berjaya dikutip;
- ii. Bagi tahun 2013, sebanyak 222,349 pinjaman diluluskan kepada pelajar melibatkan peruntukan sebanyak RM5.54 bilion sehingga tamat pengajian. Manakala, sebanyak RM1.21 bilion bayaran balik telah berjaya dikutip; dan
- iii. Bagi tahun 2014, sebanyak 189,165 pinjaman diluluskan kepada pelajar melibatkan peruntukan sebanyak RM5.08 bilion sehingga tamat pengajian. Manakala, sebanyak RM716.59 juta bayaran balik telah berjaya dikutip.

Pada tahun 2015, PTPTN memperuntukkan jumlah pembiayaan sebanyak RM5.88 billion kepada 215,655 orang peminjam baharu. Manakala, pada tahun 2016 diunjurkan peruntukan sebanyak RM6.36 billion melibatkan seramai 235,305 orang peminjam baharu. Jumlah kutipan bayaran balik yang disasarkan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM750 juta dan sebanyak RM1.16 bilion pada tahun 2016.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN

TARIKH : 26.11.2015

SOALAN : NO. 50

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar Bumiputra Sarawak minoriti yang diterima masuk ke IPTA mengikut suku kaum seperti Iban, Bidayuh, Melanau, Orang Ulu dan lain-lain untuk lima tahun yang lepas. Nyatakan secara terperinci mengikut suku kaum dan tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) adalah berdasarkan prinsip meritokrasi tanpa mengira kaum, agama, jantina, keturunan, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal. Selain itu, calon atau pemohon juga mestilah memenuhi Syarat Am IPTA, Syarat Khas Program Pengajian dan kriteria-kriteria pemilihan yang telah ditetapkan tertakluk kepada bilangan tempat yang mampu disediakan oleh IPTA.

Bagi tahun 2012 hingga 2014, terdapat seramai 16,832 orang pelajar warganegara bertaraf Bumiputera Sarawak yang memasuki IPTA.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI

TARIKH : 1.12.2015

SOALAN : NO. 5

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana pencapaian universiti-universiti awam di Malaysia dalam ranking dunia dan apakah langkah diambil untuk meningkatkan pencapaian menjelang tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Awam (UA) di Malaysia terus menunjukkan peningkatan prestasi setiap tahun. Laporan *QS-World University Rankings* 2015 yang dikeluarkan pada 15 September 2015 telah menunjukkan terdapat peningkatan prestasi tiga (3) universiti awam bagi penarafan tahun 2015 berbanding dengan penarafan tahun 2014 iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Buat pertama kalinya UA berjaya di kedudukan 150 universiti terbaik dunia iaitu UM yang berada di kedudukan ke-146 (dari 151).

Selain itu, *QS World University Rankings by Subject* 2015 telah mengumumkan **23** daripada bidang pengajian dipelopori oleh UA berada di dalam lingkungan **200 terbaik dunia dengan dua bidang berada pada aras 50 terbaik dunia** iaitu USM di kedudukan ke-31 dalam bidang Sains Alam Sekitar (*Environmental Science*) dan UM dalam bidang Pengajian Pembangunan (*Development Studies*) di kedudukan ke-32.

Terbaharu, empat Universiti Awam (UA) berjaya berada dalam kedudukan 50 terbaik QS World University Ranking 2015 Top 50 Under 50. USM berada di kedudukan 26,

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berada di kedudukan 30, diikuti oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di kedudukan 32 manakala UPM di kedudukan 38. Selain itu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berada di kedudukan 91-100.

Pencapaian ini merupakan satu kebanggaan dan membuktikan bahawa UA berada dalam kelompok universiti terbaik dunia bagi kategori universiti yang berusia bawah 50 tahun.

Selain itu, UM dan USM juga kini berada di kedudukan 500 terbaik dalam 2015 Academic Ranking of World Universities (ARWU). Menurut Dr Ying Cheng, Pengarah Eksekutif Centre for World-Class Universities, UM dan USM mempunyai ramai penyelidik yang mendapat sitasi tertinggi dalam bidang kepakaran masing-masing.

Ini dibuktikan apabila seramai **14 orang penyelidik negara** telah dinobatkan sebagai penerima anugerah **Malaysia's Rising Star Award** kerana menghasilkan artikel yang menerima sitasi penerbitan 1% tertinggi dunia, bagi tempoh dari 2005 hingga 2014 oleh agensi pengindeksan antarabangsa Thomson Reuters. Penarafan ini berjaya memposisikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang mempunyai **sarjana bertaraf global** yang memberi sumbangan ilmiah berimpak tinggi kepada bidang pengajian masing-masing.

Malah, baru-baru ini juga pendebat dari UiTM melakar sejarah dengan menjadi Johan dalam Debat Antarabangsa Antara Universiti Cambridge 2015 mengalahkan 128 universiti, termasuk pendebat dari Universiti Oxford dan Universiti Harvard. UiTM menjadi juara bagi Kategori Utama manakala UIAM menjadi juara bagi Kategori English As A Second Language (ESL).

(SOARING UPWARD)

Pelbagai usaha berterusan dilaksanakan oleh KPT dalam memperbaiki dan memperkukuhkan ranking UA tempatan. Antaranya ialah menanda aras dengan universiti di negara yang mempunyai pemetaan sosio-ekonomi dan sosio-budaya

yang hampir sama tetapi mendapat penarafan yang tinggi di peringkat global seperti universiti di Korea Selatan, Thailand dan Singapura.

Selain itu, KPT turut menyerlahkan bidang tujuhan dan bidang kecemerlangan di UA agar ia setanding dengan pusat kecemerlangan yang bertaraf antarabangsa, di samping terus-menerus memperkasakan Universiti Penyelidikan serta memantapkan aktiviti penyelidikan, penerbitan, pembelajaran dan pengajaran, pembangunan pelajar serta jaringan industri dan komuniti di UA.

Menjelang tahun 2025, Kementerian menyasarkan sebuah universiti berada dalam *Asia's Top 25*, dua universiti dalam *Global Top 100* dan empat universiti dalam *Global Top 200*.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH

TARIKH : 1.12.2015

SOALAN : NO. 22

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan senarai bilangan IPTS di Sabah berbanding negeri-negeri lain dan berapa kursus dibuka di semua IPTS itu dan berapa pengambilan pelajar IPTS dan IPTA setiap tahun berbanding keperluan keseluruhan daripada graduan dari sekolah menengah di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi prihatin dan komited untuk memberikan peluang pendidikan tinggi kepada semua rakyat termasuk bagi rakyat di negeri Sabah. Transformasi sistem pendidikan tinggi akan memberi manfaat dan hak secara kolektif, serta memberi peranan yang bersesuaian kepada setiap pihak berkepentingan. Sistem pendidikan tinggi di Malaysia telah mencapai banyak kemajuan dan telah berkembang dengan pesatnya dengan kewujudan institusi pendidikan tinggi awam dan swasta dan menyediakan pelbagai laluan kepada pendidikan. Dengan ini lebih banyak rakyat Malaysia berpeluang mengikuti pengajian pada peringkat pendidikan tinggi.

Jumlah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) di Sabah adalah sebanyak 27 buah yang terdiri daripada 2 buah IPTS bertaraf kolej universiti dan 25 buah IPTS bertaraf kolej termasuk 3 buah pusat pembelajaran. Berdasarkan data sehingga 30 Oktober 2015, sebanyak 308 kursus pengajian yang ditawarkan di IPTS Sabah yang terdiri daripada pelbagai peringkat dari sijil sehingga PhD. Sehingga Disember 2014, jumlah kemasukan pelajar ke IPTS dan pusat pembelajaran di Sabah bagi tahun 2014 adalah seramai 6017 orang.

Jumlah keseluruhan calon dari Sabah yang mendapat tawaran kemasukan ke Universiti Awam pada sesi 2015/2016 adalah seramai 3,428 orang (8%).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH

TARIKH : 1.12.2015

SOALAN : NO. 29

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada terdapat perancangan untuk membina Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di daerah Setiu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) mahupun cawangannya dibuat berdasarkan keperluan strategik negara dengan turut mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujahan tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja.

Buat masa ini, tumpuan Kerajaan adalah untuk memperkasakan IPTA sedia ada di Terengganu seperti Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Bukit Besi, UiTM Dungun, Politeknik Kuala Terengganu, Politeknik Dungun, Kolej Komuniti Besut dan Kolej Komuniti Kuala Terengganu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]**

TARIKH : **1.12.2015**

SOALAN : **NO. 31**

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian merancang untuk pembukaan kampus cawangan IPTA seperti UKM, UM, UIA dan seumpamanya. Labuan adalah tempat yang sesuai untuk dijadikan sebagai hub pendidikan tinggi yang akan menggalakkan integrasi nasional dengan lebih rancak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Awam (UA) mahupun cawangannya dibuat berdasarkan keperluan strategik negara dengan turut mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujahan tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja.

Buat masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk menubuhkan cawangan UA baharu di Labuan. Usaha kini tertumpu ke arah memperkasakan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Antarabangsa yang sedia ada di Labuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI

TARIKH : 1.12.2015

SOALAN : NO. 43

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan untuk mengurangkan jurang perbezaan yang tinggi antara pelajar lelaki dan perempuan dalam kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa peka kepada kehendak dan tuntutan keseimbangan antara pelajar lelaki dan perempuan. Dalam usaha ini, mulai tahun 2015 Kementerian Pendidikan Tinggi telah menetapkan dasar nisbah 30:70 pelajar lelaki kepada pelajar perempuan bagi kemasukan ke universiti awam (UA).

Berdasarkan peratusan jantina bagi kemasukan ke UA Sesi Akademik 2015/2016, kemasukan pelajar perempuan ialah sebanyak 69 peratus manakala pelajar lelaki 31 peratus. Ini telah menunjukkan bahawa dasar nisbah 30:70 ini telah tercapai.

Kerajaan juga telah memperkasakan politeknik premier dan konvensional serta kolej komuniti bagi penawaran kursus-kursus dan program pengajian yang didominasi oleh pelajar lelaki seperti kejuruteraan, kemahiran dan teknologi dan penerokaan program baharu seperti aero angkasa, robotik dan lain-lain.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

TARIKH : 2.12.2015

SOALAN : NO. 24

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mengurangkan beban pentadbiran Universiti Malaya dalam menanggung kos operasi yang tinggi untuk Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Malaya tidak menanggung kos operasi Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Hal ini kerana PPUM mempunyai peruntukan tersendiri dan pihak pentadbiran PPUM akan membida bajet bagi **peruntukan mengurus** untuk menampung kos operasi PPUM kepada Kementerian Kewangan setiap tahun.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN**

TARIKH : **2.12.2015**

SOALAN : **NO. 10**

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada program Biasiswa KPT (MyBrain15) akan diteruskan pada tahun 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program MyBrain15 merupakan satu program pembiayaan pengajian di peringkat Sarjana dan PhD untuk mewujudkan cendekiawan yang berpengetahuan tinggi sebagai pemangkin kepada penyelidikan, pembangunan dan inovasi. Pelaksanaan program ini akan dapat membangunkan *first world talent base* yang akan menjadi salah satu inisiatif untuk memacu Malaysia sebagai sebuah negara maju dan dinamik.

Program-program yang dilaksanakan melaluinya adalah MyMaster, MyPhD dan MyPhD Industri. Pada tahun 2016, program MyBrain15 akan terus diteruskan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH

TARIKH : 3.12.2015

SOALAN : NO. 32

Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan kenapakah aktiviti serta program-program mahasiswa universiti sekarang hari ini mengalami begitu banyak sekatan dan dikenakan tindakan begitu keras termasuk penggunaan akta yang mempunyai hukuman penjara sehingga setinggi 20 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat sistem pendidikan tinggi negara antaranya adalah melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Golongan mahasiswa diharapkan menghargai pelaburan terhadap masa depan dengan melibatkan diri dalam aktiviti berfaedah serta memanfaatkan masa sebaik mungkin untuk kemajuan diri.

Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa mengambil berat akan hak kebebasan bersuara dan penyertaan mahasiswa dalam aktiviti atau program di Universiti Awam. Ini selaras dengan pindaan Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) pada tahun 2012 yang membenarkan pelajar berpolitik di luar kampus. Walau bagaimanapun, peruntukan seksyen 15 turut melarang pelajar terlibat dengan:

- i. apa-apa aktiviti politik kepartian di dalam kampus;
- ii. mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau luar negara; dan


- iii. pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang dikenal pasti oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau universiti.

Walaupun begitu, AUKU masih mengekalkan kebebasan kepada pelajar untuk bersuara dalam hal yang berkaitan dengan perkara akademik. Pelajar dibenarkan memberi pendapat dalam seminar, simposium dan sebagainya dengan syarat tidak dianjurkan atau diberi peruntukan kewangan oleh pertubuhan yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau luar negara dan pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang dikenal pasti oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kebajikan pelajar atau universiti.

Bagi Universiti Swasta pula, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 memperuntukkan penalti maksimum dua tahun penjara bagi kesalahan yang dilakukan oleh Institusi Pendidikan Tinggi Swasta dan tiada peruntukan penalti penjara sehingga 20 tahun kepada pelajar.

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DAN JAWAPAN BERTULIS



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN

SOALAN : NO. 31

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa ramaikah graduan-graduan yang direkodkan masih menganggur dan berapa ramaikah daripada graduan-graduan tersebut yang berjaya dihasilkan melalui pelbagai skim yang disediakan oleh Kerajaan seperti skim keusahawanan dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan responden Kajian Pengesanan Graduan pada tahun 2014 yang dijalankan semasa konvokesyen bagi tempoh 3 hingga 6 bulan selepas tamat pengajian, seramai 24.9% graduan warganegara di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang menyatakan status belum bekerja.

Pada 13 April 2010, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melancarkan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT yang bertujuan untuk menggalakkan serta memantapkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan di IPT tempatan secara lebih terancang dan holistik. Satu Pelan Strategik Keusahawanan IPT yang komprehensif dan pragmatik bagi tempoh 2013-2015 turut disediakan. Bagi tempoh empat tahun selepas pelancaran dasar ini, seramai 9,990 orang graduan telah menceburi bidang keusahawanan setelah tamat pengajian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH

SOALAN : NO. 54

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam menangkis persepsi negatif daripada pengumuman kuasa autonomi Universiti Awam (UA) yang dianggap oleh segelintir warga pendidik sebagai usaha Kerajaan dalam mengurangkan kos perbelanjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian status autonomi kepada UA adalah selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk mempertingkatkan daya saing UA negara dan menggembeleng tenaga menjadi antara institusi terbaik di dunia.

Autonomi merupakan penurunan kuasa daripada agensi pusat dan pihak KPT kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam menentukan sesuatu keputusan dengan matlamat untuk membolehkan UA bergerak secara berkesan demi mencapai agenda kecemerlangan. Empat bidang yang diberikan autonomi adalah institusi governan, kewangan dan penjana pendapatan, sumber manusia serta akademik dan kemasukan pelajar.

Sistem pendidikan tinggi masih menerima sumbangan yang besar daripada bajet negara. Pemberian status autonomi ini adalah satu usaha supaya UA mempunyai sumber kewangan yang lestari untuk tempoh jangka panjang. Justeru, UA akan mempelbagaikan sumber pendapatan untuk meningkatkan kualiti program secara berterusan, lebih berhemah dan inovatif dalam penggunaan sumber dalaman bagi menjana pendapatan universiti masing-masing.

Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, UA akan beroperasi secara bebas dalam lingkungan rangka kerja pengawal seliaan yang diwujudkan oleh KPT dengan struktur tadbir urus yang mantap berserta tahap kesediaan dan kapasiti masing-masing untuk membuat keputusan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH

SOALAN : NO. 55

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan peratus keberkesanan pembayaran balik pinjaman PTPTN melalui potongan gaji serta insentif yang diberikan Kementerian dalam menggalakkan peminjam untuk membuat pembayaran melalui kemudahan yang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada keseluruhan saluran bayaran balik pinjaman PTPTN, sebanyak 30 peratus daripada bayaran balik adalah melalui kaedah potongan gaji. PTPTN menyasarkan peningkatan 10% setahun bayaran balik melalui potongan gaji dan dijangka mencapai 60% pada tahun 2018.

Peminjam yang membuat potongan gaji adalah juga layak menerima insentif rebat 10 peratus sebagaimana yang diumumkan semasa pembentangan Bajet 2013 dan Bajet 2015 oleh YAB Perdana Menteri kepada peminjam yang membuat ansuran bayaran balik pinjaman PTPTN mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan selama 12 bulan berturut-turut. Insentif tersebut akan berakhir pada 31 Disember 2015.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA

SOALAN : NO. 57

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik jumlah peminjam PTPTN yang aktif dan juga tidak aktif dalam pembayaran balik pinjaman mereka. Adakah Kerajaan bercadang lagi untuk melaksanakan kaedah pemberian diskaun atau potongan terhadap mereka yang ingin membayar secara berkala atau berterusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Ogos 2015, jumlah keseluruhan bayaran balik pembiayaan pendidikan yang diterima adalah sebanyak RM6.61 bilion atau 45.85 peratus berbanding bayaran balik sebenar perlu diterima sebanyak RM14.42. bilion. Manakala seramai 1,171,102 atau 65.80 peratus daripada 1,779,670 peminjam yang perlu bayar balik telah membuat bayaran balik. Seramai 608,568 peminjam tidak membuat bayaran balik melibatkan jumlah tunggakan pinjaman sebanyak RM4.93 bilion.

Bagi peminjam yang membuat bayaran balik secara konsisten, layak menerima insentif rebat 10 peratus. Insentif tersebut telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2013 dan Bajet 2015 di mana peminjam yang membuat ansuran bayaran balik pinjaman PTPTN mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan selama dua belas (12) bulan berturut-turut. Insentif tersebut akan berakhir pada 31 Disember 2015.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian buat masa ini tidak bercadang untuk meneruskan pemberian diskaun atau rebat kepada peminjam yang membuat bayaran secara konsisten.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA

SOALAN : NO. 58

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mewajibkan modul pembelajaran bidang agama Islam bagi pelajar Islam dan Pendidikan Moral bagi pelajar bukan Islam di setiap peringkat pendidikan. Ini kerana pelajar hanya diwajibkan ketika di peringkat rendah dan menengah sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembelajaran modul berkaitan bidang agama Islam dan penerapan penghayatan nilai-nilai murni dan moral kepada pelajar di universiti dilaksanakan melalui kursus-kursus yang ditawarkan di bawah Mata Pelajaran Umum (MPU). Struktur MPU ini diperkenalkan di peringkat pengajian Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Pelajar diwajibkan lulus dan melengkapkan semua kelompok di dalam struktur MPU sebagai syarat untuk menamatkan pengajian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN

SOALAN : NO. 63

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Program Pemangkin Kebolehpasaran Graduan (CGEE) yang akan dijalankan dalam meningkatkan peluang seseorang pelajar itu untuk mendapatkan pekerjaan kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program *Cyberjaya Graduate Employability Enabler* (CGEE) telah dilaksanakan pada tahun 2013 dan 2014.

Pada tahun 2013, Program CGEE 1 telah melatih 74 orang graduan. Sebanyak 70 (94.6%) daripada graduan yang menyertai program ini mendapat pekerjaan dalam tempoh tiga bulan selepas menamatkan program. Pada tahun 2014 pula, Program CGEE 2 telah melatih 139 orang graduan di mana sebanyak 135 (97.0%) daripada graduan yang menyertai program ini mendapat pekerjaan dalam tempoh tiga bulan selepas menamatkan program. Seramai 127 orang pelajar telah dibiayai di bawah dana Kebolehpasaran Graduan Kementerian Pendidikan Tinggi, manakala 12 orang dibiayai oleh Yayasan Sime Darby.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH

SOALAN : NO. 95

Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah bilangan dan peratus pelajar perempuan berbanding pelajar-pelajar lelaki bagi sesi pengajian 2015/2016 di Universiti Awam (UA) dan nyatakan langkah Kerajaan bagi menangani isu ketidakseimbangan antara pelajar lelaki dan perempuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa peka kepada kehendak dan tuntutan keseimbangan antara pelajar lelaki dan perempuan. Dalam usaha ini, mulai tahun 2015 Kementerian Pendidikan Tinggi telah menetapkan dasar nisbah 30:70 pelajar lelaki kepada pelajar perempuan bagi kemasukan ke universiti awam (UA).

Berdasarkan peratusan jantina bagi kemasukan ke UA Sesi Akademik 2015/2016, kemasukan pelajar lelaki ialah sebanyak 31 peratus manakala pelajar perempuan sebanyak 31 peratus. Ini telah menunjukkan bahawa dasar nisbah 30:70 ini telah tercapai.

Kerajaan juga telah memperkasakan politeknik premier dan konvensional serta kolej komuniti bagi penawaran kursus-kursus dan program pengajian yang didominasi oleh pelajar lelaki seperti kejuruteraan, kemahiran dan teknologi dan penerokaan program baharu seperti aero angkasa, robotik dan lain-lain.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH

SOALAN : NO. 98

Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah Kerajaan bagi membolehkan pelajar pondok, madrasah dan maahad tahfiz diberikan peluang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kemahiran di peringkat lebih tinggi melalui sijil dan diploma.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) komited untuk memberikan peluang pendidikan tinggi kepada pelajar-pelajar pondok, madrasah dan maahad tahfiz khususnya dalam aspek kemahiran. Selaras dengan itu, KPT menerima calon lulusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan calon lulusan SPM dari sekolah agama bagi kemasukan ke Universiti Awam (UA) di peringkat sijil, diploma dan ijazah. Antara contoh program bagi lulusan STAM iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Dengan Kepujian (Kejuruteraan Elektronik (USIM) dan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) dengan kepujian (UnisZA). Manakala contoh program bagi lulusan SPM ialah Diploma Kejuruteraan Mekanikal (UMP), Diploma Kejuruteraan Elektrik (UTHM).

Selain itu juga, Kolej Komuniti turut menawarkan Program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat yang memberikan ilmu kemahiran dan keusahawanan kepada pelajar tahfiz, pelajar sekolah pondok dan pelajar Maahad. Sehingga kini, di seluruh negara terdapat 92 buah kolej komuniti yang berperanan menyediakan pendidikan dan latihan kepada golongan tersebut dan komuniti setempat.

Sekiranya pelajar daripada aliran pondok, madrasah dan maahad tahfiz tidak mempunyai kelayakan rasmi, maka pelajar-pelajar tersebut masih mempunyai

peluang meneruskan pengajian lebih tinggi dengan menggunakan laluan Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning*, APEL). Walau bagaimanapun, bagi program kemahiran ia adalah tertakluk kepada bidang kuasa Jabatan Kemahiran Malaysia berdasarkan ketetapan syarat dan keperluan semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI

SOALAN : NO. 150

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk membuka cawangan untuk Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional di Labuan bagi memudahkan urusan yang kini terpaksa dilakukan di Kota Kinabalu ataupun Kuala Lumpur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN telah membuka pejabat cawangan di seluruh negara bagi mendekati masyarakat di dalam memberi khidmat nasihat dan rundingan yang lebih mesra pelanggan. Perkhidmatan yang diberikan termasuklah kutipan balik, penstrukturan dan penjadualan bayaran balik serta urusan deposit dan promosi Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN –i).

Sehingga 30 September 2015, sebanyak 70 pejabat cawangan termasuk kiosk-kiosk yang ditempatkan di lokasi-lokasi strategik seluruh negara telah beroperasi termasuk di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau. Kementerian Pendidikan Tinggi bersedia mempertimbangkan pembukaan cawangan di Labuan sekiranya bersesuaian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL

SOALAN : NO. 177

Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan hasil Program CEO Fakulti yang mengetengahkan tokoh-tokoh korporat sebagai National Adjunct Professor untuk berkongsi pengalaman di universiti dalam bentuk kuliah dan khidmat nasihat serta berapa ramai tokoh korporat yang terlibat dalam program CEO Fakulti ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Fakulti Ketua Pegawai Eksekutif [*Chief Executive Officer (CEO) Faculty Programme (CFP)*] merupakan satu program yang dilaksanakan di bawah Lonjakan 2: Kecemerlangan Bakat, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Sasaran keberhasilan program adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui kepelbagaian pengalaman pembelajaran diperoleh mahasiswa dan mengurangkan ketidaksepadanan di dalam penawaran dan permintaan pasaran kerja.
2. Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) berupaya untuk menarik, melaksanakan pengambilan dan mengekalkan bakat terbaik terutamanya daripada pengamal industri melalui pelaksanaan skim pelbagai laluan.
3. IPT akan beralih daripada beroperasi secara bersendirian kepada *quadruple helix* iaitu ekosistem inovasi yang saling berkaitan antara akademia, industri, kerajaan dan komuniti yang akhirnya dapat membentuk perkongsian sumber bagi memupuk, membangun dan memasarkan idea baharu yang boleh menjana pertumbuhan dalam bidang keutamaan negara.

CEO *Faculty Programme* dilaksanakan secara dua mod. Mod 1 ialah sesi pengajaran secara bersama dengan tenaga pengajar IPT yang berkaitan terhadap subjek pembelajaran tertentu manakala Mod 2 ialah sesi penglibatan CEO atas jemputan secara *one-off* di universiti. Senarai 22 orang CEO terlibat dengan sesi pengajaran berdasarkan Mod 1 antaranya seperti Tan Sri (Dr.) Tony Fernandes, Group CEO, Air Asia Berhad, Tan Sri Johan Jaafar, Former Independent Non-Executive Chairman of Media Prima dan Tan Sri Dato' Azman Bin Haji Mokhtar, Managing Director, Khazanah National Berhad. Manakala tokoh industri yang terlibat dengan CFP mengikut mod 2 pula adalah Dr. Richard Parker, Group Director of Research and Technology, Rolls Royce yang telah menyampaikan syarahan di UPM pada 3 September 2015 dan Encik Alois Hofbauer, Managing Director, Nestle (Malaysia) Berhad yang menyampaikan syarahan di UIA pada 30 Oktober 2015.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG

SOALAN : NO. 308

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan:-

- (a) jumlah pengambilan pelajar untuk Institusi Pengajian Tinggi Awam di seluruh negara sejak tahun 2008 sehingga 2015 berdasarkan institusi dan kaum; dan
- (b) jumlah pengambilan pelajar asing untuk Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institusi Pengajian Swasta di seluruh negara sejak tahun 2008 sehingga 2015 berdasarkan institusi dan negara asal pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kemasukan pelajar warganegara di Universiti Awam dari tahun 2012 sehingga 2014 adalah seramai 518,659 orang.
- (b) Jumlah kemasukan pelajar antarabangsa dari tahun 2012 sehingga 2014 di Universiti Awam adalah seramai 24,026 orang pelajar manakala di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta adalah seramai 161,984 orang pelajar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW

SOALAN : NO. 361

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah kos yang akan ditanggung oleh Kerajaan kalau semua Universiti Kebangsaan Malaysia memberi pendidikan ijazah pertama secara percuma.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 12 fakulti di UKM yang menawarkan pendidikan ijazah pertama dalam pelbagai bidang. Jumlah anggaran kos yang akan ditanggung oleh Kerajaan bagi setiap seorang pelajar di 12 fakulti tersebut adalah sebanyak RM732,200.00.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI

SOALAN : NO. 399

Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PENDIIDKAN TINGGI** menyatakan manfaat geran-geran penyelidikan yang ditawarkan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) terhadap pembangunan negeri Terengganu khususnya di Kuala Nerus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) merupakan agensi yang menerajui penyelidikan fundamental iaitu satu penyelidikan yang berupaya melonjakkan penjaanaan teori, konsep dan idea baru yang menjadi pemangkin kepada penemuan baru yang merentasi sempadan ilmu dan penciptaan inovatif. Petunjuk prestasi utama (KPI) penyelidikan fundamental adalah penghasilan bakat berpengetahuan tinggi (graduan Sarjana dan PhD), penerbitan berimpak tinggi dalam jurnal berindeks dan harta intelek yang merupakan pemacu ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 berdasarkan kreativiti dan inovasi.

Sehingga hari ini, projek-projek penyelidikan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) yang diluluskan di bawah KPT dengan skop kajian di Terengganu tertumpu pada penyelidikan dalam bidang biologi, alam sekitar, pengurusan bencana, kesihatan dan bahasa . Kebanyakan daripada projek–projek ini merupakan kajian yang memfokuskan kepada kelestarian kepelbagaian biologi di Terengganu. Selain itu, KPT juga telah menaik taraf Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi yang memberikan fokus kepada Sains Marin bersesuaian dengan bidang tujahan UMT.

Geran-geran penyelidikan yang ditawarkan kepada UMT dan UNISZA tidak hanya terhad kepada skop kajian di Terengganu. Secara amnya, geran yang ditawarkan KPT bertujuan untuk penyelidikan strategik yang bertepatan dengan kehendak nasional.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH

SOALAN : NO. 408

Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah bilangan anak muda di bawah umur 33 tahun yang telah di kenakan tindakan mahkamah atau diisytihar dalam senarai hitam kerana kegagalan membayar pinjaman PTPTN dan Pinjaman Pelajaran Tinggi Malaysia dari tahun 2010 hingga 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 2014 seramai 110,292 peminjam telah disaman dan 139,955 peminjam telah disenarai hitam melalui Jabatan Imigresen Malaysia kerana kegagalan membayar pinjaman PTPTN.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG

SOALAN : NO. 409

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk menaik tarafkan kualiti dan kebajikan para pelajar dengan menyelesaikan isu-isu seperti pendidikan percuma, hutang pendidikan PTPTN dan campur tangan pemerintah dalam universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendidikan percuma di Malaysia telah diberikan di peringkat sekolah rendah dan menengah. Di peringkat pendidikan tinggi, Kerajaan telah menyediakan pembiayaan pendidikan berjumlah RM5 bilion untuk membiayai kos yuran dan sara hidup pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (jumlah ini tidak termasuk 90% subsidi yuran pengajian yang telah ditanggung oleh Kerajaan pada masa ini).

Bagi pelajar IPTA, hanya sekitar 15 - 30% pinjaman PTPTN digunakan untuk membayar yuran, manakala 70 - 85% digunakan bagi menanggung kos sara hidup. Sekiranya tuntutan pendidikan percuma dilaksanakan, Kerajaan terpaksa menghapus kira hutang PTPTN sebanyak RM40.8 bilion dan membuat bayaran semula kepada pelajar yang telah membuat bayaran balik pinjaman sebanyak RM 5.7 bilion (sehingga 31 Disember 2014).

Usaha untuk meringankan beban peminjam sentiasa dilakukan. Antaranya pelaksanaan pembiayaan pendidikan berasaskan kaedah 'Ujrah' atau Upah mulai tahun 2008. Upah yang dikenakan adalah pada kadar 1 peratus setahun atas kadar rata dan menggantikan kaedah pinjaman konvensional sebelum ini yang mengenakan kos pentadbiran 3 peratus dan 5 peratus setahun atas baki berkurangan. Selain itu, insentif diskaun bayaran balik pembiayaan kepada

peminjam PTPTN telah diberikan melalui Bajet 2015 yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 10 Oktober 2014. Diskaun 20% diberikan kepada peminjam sekiranya membuat penyelesaian secara sekaligus dalam tempoh 10 Oktober 2014 hingga 31 Mac 2015. Manakala rebat 10% diberikan kepada peminjam sekiranya membuat bayaran balik pinjaman secara konsisten selama 12 bulan berturut-turut atau 12 bulan ke hadapan mengikut Jadual Bayaran Balik sehingga 31 Disember 2015.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI

SOALAN : NO. 414

Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengapakah kursus-kursus di IPTA tidak dapat memenuhi kehendak pasaran kerja hingga menyebabkan berlaku penggangguran lepasan ijazah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa berusaha untuk memastikan kursus-kursus di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) memenuhi kehendak pasaran kerja. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Merangka kursus berdasarkan konsep Pendidikan Berasaskan Hasil;
- ii. Melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualification Framework);
- iii. Melaksanakan Semakan Kurikulum;
- iv. Melaksanakan Kajian Pasaran;
- v. Mengadakan Mesyuarat Saringan Awal dan Menubuhkan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi; dan
- vi. Penjumudan program yang tidak relevan dan tidak berdaya maju.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI

SOALAN : NO. 416

Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengapakah ijazah Undang-undang di UNISZA tidak diiktiraf oleh JPA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Ijazah Sarjana Muda Undang-undang di UniSZA telah mendapat pengiktirafan penuh daripada Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang. Susulan itu, graduan UniSZA yang akan menamatkan pengajian mulai tahun 2016 tidak lagi perlu menduduki dan lulus Peperiksaan Sijil Amalan Guaman. Graduan UniSZA adalah dibenarkan menjalani *pupillage* (latihan dalam kamar) selaras dengan Akta Profesion Undang-undang 1976.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD

SOALAN : NO. 425

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kedudukan jumlah hutang PTPTN terkini dan kepada institusi kewangan manakah PTPTN berhutang berserta jumlahnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1997 hingga 2002, dana pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) diperoleh melalui geran Kerajaan berjumlah RM5.3 bilion. Kemudiaannya, pada tahun 2003 hingga 2011, dana pembiayaan PTPTN diperoleh melalui pinjaman daripada bank dan institusi kewangan, antaranya Kumpulan Wang Amanah Pencen, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, CIMB, Ambank, RHB dan Maybank. Pada tahun 2012 hingga 2015, dana pembiayaan PTPTN diperoleh melalui penerbitan Sukuk (*Islamic medium term notes*) melalui CIMB Investment, Maybank Investment dan AmInvestment dan Pinjaman Berasaskan Islamik (Komoditi Murabahah).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD

SOALAN : NO. 426

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status pembelian peralatan Digital Autopsy Diagnostics Station (DADS) di Unit Forensik, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia secara rundingan terus oleh Syarikat Srimelan Sdn Bhd.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi memutuskan untuk tidak meneruskan perolehan peralatan Digital Autopsy Diagnostic Station (DADS) pada ketika ini memandangkan kekangan peruntukan kewangan. Hanya satu syarikat sahaja, iaitu Syarikat Srimelan Sdn. Bhd. yang berminat untuk membekalkan peralatan tersebut dan kos yang ditawarkan adalah terlalu tinggi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN

SOALAN : NO. 432

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diluluskan kepada Universiti Sains Malaysia untuk menjayakan agenda APEX daripada tahun 2008 hingga 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan program Universiti APEX yang telah diluluskan dari tahun 2013 hingga 2015 bagi Universiti Sains Malaysia adalah sebanyak RM 90 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

SOALAN : NO. 436

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa banyakkah lagi universiti atau kolej swasta yang masih menawarkan kursus Kejururawatan dan adakah bilangan siswazah bidang Kejururawatan yang dikeluarkan selari dengan keperluan guna tenaga negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 57 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang menawarkan kursus Kejururawatan setakat September 2015. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 12 buah IPTS bertaraf Universiti, 9 buah IPTS bertaraf Kolej Universiti dan 36 buah IPTS bertaraf Kolej.

Penawaran dan pengambilan bilangan pelajar kursus Kejururawatan oleh sesebuah IPTS adalah berdasarkan kuota oleh Lembaga Jururawat Malaysia yang mengambil kira keperluan guna tenaga negara dan keupayaan sesebuah institusi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN

SOALAN : NO. 451

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-

- (i) secara terperinci univerti-universiti awam yang masih menawar kursus-kursus yang ijazahnya tidak diiktiraf oleh badan-badan profesional dan nyatakan sekali nama kursus-kursus tersebut; dan
- (ii) apakah tindakan yang telah diambil kepada universiti-universiti yang menawarkan kursus-kursus yang tidak diiktiraf tersebut, jika ada diberikan butirannya dan jika tiada, mengapa.

JAWAPAN

- (i) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2015, program yang masih belum mendapat pengiktirafan penuh oleh badan profesional di universiti awam ialah Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Namun begitu, USIM telah menerima pengiktirafan sementara daripada Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang (LKPU). Melalui pengiktirafan yang diberikan ini, graduan perlu menduduki dan lulus Peperiksaan Sijil Amalan Guaman (PSAG) bagi maksud menjadi "orang berkelayakan" di bawah Akta 166 sebelum boleh meneruskan kerjaya sebagai peguam dan peguam cara.

Walau bagaimanapun, graduan bagi program ini adalah setaraf dengan graduan lulusan ijazah lain dan boleh menjawat jawatan di sektor awam dan swasta kecuali kerjaya sebagai peguam dan peguam cara. Ini adalah berikutan kelulusan penawaran program telah diperolehi daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada 15 Jun 2004. Bagi program dari Institusi Pengajian Tinggi Awam yang telah diluluskan oleh Mesyuarat

Jawatankuasa Pendidikan Tinggi sebelum 1 Jun 2008, permohonan pengiktirafan kelayakan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Program ini telah mendapat pengiktirafan JPA pada 22 Disember 2009 dan mendapat akreditasi penuh daripada MQA. Pihak LPKU akan membuat penilaian semula terhadap program USIM ini pada bulan Disember 2016.

- (ii) Pihak KPT telah menghantar surat kepada USIM supaya mendapatkan pengiktirafan penuh dalam tempoh 3 hingga 5 tahun pada tahun 2014. Kementerian ini melalui universiti juga sentiasa berusaha memenuhi keperluan badan profesional berkenaan dalam mendapatkan pengiktirafan penuh bagi membolehkan graduan menjadi 'orang berkelayakan' tanpa perlu menduduki PSAG. KPT juga telah memohon LKPU untuk mempercepatkan proses penilaian bagi pengiktirafan penuh bagi memastikan graduan bagi program ini boleh diperakui sebagai peguam di bawah Akta 166. KPT turut menubuhkan Majlis Dekan Undang-undang Universiti Awam yang bertanggungjawab untuk menasihatkan Kementerian ini berkaitan isu-isu program undang-undang dan forum ini juga membincangkan isu-isu akademik yang melibatkan universiti awam. Hala tuju Pengajian Undang-undang juga telah disediakan sebagai rujukan kepada semua fakulti di universiti awam untuk tujuan pembangunan kurikulum / program undang-undang pada masa hadapan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN

SOALAN : NO. 472

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan jumlah pelajar lulusan STPM dan berapakah pelajar lulusan Matrikulasi pada tahun 2015. berapakah pelajar lulusan STPM dan berapakah pelajar lulusan Matrikulasi yang berjaya masuk ke IPTA pada sesi 2015/2016.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kemasukan ke Universiti Awam (UA) adalah berdasarkan prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah ko-kurikulum. Berdasarkan prinsip meritokrasi, hanya calon atau pemohon yang memperoleh markah merit tertinggi layak dipertimbangkan dan ditawarkan tempat di UA, tanpa mengira kaum, agama, jantina, keturunan, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal.

Selain itu, calon atau pemohon juga mestilah memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian, kriteria-kriteria pemilihan yang telah ditetapkan tertakluk kepada bilangan tempat yang mampu disediakan oleh UA.

Pada Sesi 2015/2016, seramai 43,245 calon ditawarkan masuk ke UA bagi peringkat pengajian Ijazah Pertama. Daripada jumlah tersebut, seramai 17,742 orang atau 41 peratus adalah calon lulusan STPM. Manakala, seramai 21,656 orang atau 50 peratus adalah calon lulusan Matrikulasi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN

SOALAN : NO. 476

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah kemasukan pelajar ke IPTA untuk sesi 2015/2016 yang muktamad selepas semua proses rayuan UPU selesai. Nyatakan jumlah peratusan pelajar yang “ditawar dalam pilihan” dan “ditawar di luar pilihan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan ke Universiti Awam (UA) adalah berdasarkan prinsip meritokrasi tanpa mengira kaum, agama, jantina, keturunan, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal. Selain itu, calon atau pemohon juga mestilah memenuhi Syarat Am UA, Syarat Khas Program Pengajian dan kriteria-kriteria pemilihan yang telah ditetapkan tertakluk kepada bilangan tempat yang mampu disediakan oleh UA.

Jumlah pelajar yang ditawarkan tempat ke UA bagi program pengajian lepasan STPM/ Matrikulasi/ Asasi, Sesi Akademik 2015/2016 selepas semua proses rayuan UPU selesai adalah sebanyak 43,245 orang. Daripada jumlah ini, sebanyak 90.54% telah ditawarkan dalam pilihan, manakala 9.46% telah ditawarkan luar pilihan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY

SOALAN : NO. 526

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan secara terperinci, sebab-sebab terdapat ramai pemohon kemasukan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang gagal mendapat tempat di IPTA dan juga gagal mendapat pilihan seperti dalam permohonan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan ke Universiti Awam (UA) adalah berdasarkan prinsip meritokrasi dengan menggunakan pakai 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum. Berdasarkan prinsip meritokrasi, hanya calon atau pemohon yang memperoleh markah merit tertinggi layak dipertimbangkan dan ditawarkan tempat di UA, tanpa mengira kaum, agama, jantina, keturunan, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal.

Selain itu, calon atau pemohon juga mestilah memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian dan kriteria-kriteria pemilihan yang telah ditetapkan tertakluk kepada bilangan tempat yang mampu disediakan oleh UA. Terdapat program pengajian seperti program kompetitif di UA memerlukan calon **Lulus Ujian Temuduga** dan **Ujian Khas**. Program pengajian ini memerlukan kompetensi tertentu bagi memastikan UA mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi keperluan program yang dimohon.